

Punca disyaki dari luar Sabah

BERITA HARIAN (10/12/2019) NIS 16

Bayi 3 bulan dijangkiti simptom sebelum terima vaksin kedua

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Suzianah Jiffar
bhnews@bharian.com.my

Putrajaya: Punca jangkitan virus polio dialami seorang bayi lelaki berumur tiga bulan dari Tuaran, Sabah, disyaki datang dari luar negeri itu, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata, hanya ada dua kemungkinan simptom berkenaan berlaku, iaitu dari Filipina atau keluarga terbabit ke luar negara.

Bagaimanapun, katanya, siasatan awal mendapati keluarga bayi terbabit tidak mempunyai sejarah ke luar negara sebelum ini.

“Setakat ini yang paling munasabah ialah virus polio itu datang dari luar Sabah kerana mereka tidak mempunyai sejarah ke luar negara, jadi mungkin (ia dibawa) oleh orang luar yang datang ke Sabah,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari Inovasi Kementerian Kesihatan 2019, di sini, semalam.

Dzulkefly berkata, bayi lelaki terbabit dijangkiti simptom berkenaan sebelum dia menerima suntikan vaksin kedua.

“Saya berharap ibu bapa dapat melengkapkan semua tiga dos suntikan vaksin disarankan supaya dapat menghindarkan anak dijangkiti penyakit seumpama ini.

“Antara langkah kita sudah ambil ialah pergi ke kawasan penempatan bayi berkenaan dan memberikan suntikan vaksin ke-

POLIO

- Nama penyakit: Polio atau poliomyelitis
- Penyebab: jangkitan virus polio
- Kesan: merosakkan sistem saraf pusat
- Golongan berisiko: Kanak-kanak bawah 5 tahun yang belum mendapat pelalian.
- Tiga negara masih mengalami endemik: Afghanistan, Pakistan dan Nigeria
- Agen penyebab: Poliovirus jenis 1, 2 dan 3 (genus Enteroviruses)

CARA JANGKITAN

- Transmisi faecal-oral (najis dari individu dijangkiti)
- Berlaku dalam saluran gastrousus (GI), merebak ke kelenjar limfa setempat dan sistem saraf pusat
- Tempoh peneraman: 7 hingga 14 hari sebelum gejala timbul.

TANDA DAN GEJALA

- 95 peratus kes tidak menunjukkan gejala dan tubuh membentuk antibodi memberi perlindungan sepanjang hayat.
- 5 peratus lagi menunjukkan tanda dan gejala selepas dan kemudiannya pulih semula.
- Kurang dari satu peratus kes jangkitan virus polio menyebabkan penyakit lumpuh yang menjejaskan sistem saraf.
- Kira-kira 5 peratus kes dijangkiti mengalami demam, malaise (letih dan lesu), sakit kepala, loya dan muntah.
- Pesakit boleh menjadi lumpuh jika virus ini menyerang sistem saraf pusat.
- Pesakit akan mengalami sakit otot dan kaku di bahagian leher dan belakang.
- Lumpuh biasanya tidak simetri (bukan pada kedua-dua belah anggota) dan pesakit mengalami demam sebelum lumpuh peringkat awal.
- Kaki lebih kerap terjejas berbanding tangan.



KOMPLIKASI

- Otot pernafasan atau otot menelan menjadi lumpuh sehingga boleh mengancam nyawa.
- Kelumpuhan anggota badan adalah kekal.

RAWATAN

- Tiada rawatan khusus. Rawatan diberikan ketika fasa akut sehingga ke peringkat komplikasi lumpuh.
- Peralatan pernafasan diperlukan bagi pesakit yang mengalami kelumpuhan otot pernafasan.
- Terapi fizikal dilakukan untuk memaksimumkan fungsi otot selepas lumpuh bagi mencegah kecacatan lain yang muncul lewat.



PANDUAN CEGAH JANGKITAN

- Basuh tangan dengan sabun dan air bersih selepas menggunakan tandas.
- Pastikan sanitari baik, gunakan tandas dengan sistem kumbahan yang baik.
- Didihkan air minuman atau minum air yang dibotolkan atau air berkarbonat.
- Kupas kulit buah-buahan. Elakkan salad atau ulam-ulaman (sayuran yang tidak dimasak).
- Memakan hidangan buket Sebaik dihidang.
- Elak makanan berbungkus dijual di tepi jalan.

PELALIAN DAN PENCEGAHAN

- Oral Polio Vaccing (OPV) yang dititiskan ke dalam mulut
- Inactivated Polio vaccine (IPV) yang diberi secara suntikan.
- Bilangan dos: 3 dos utama dan 1 dos tambahan.
- Diberi ketika berumur 2, 3, dan 5 bulan dengan dos tambahan pada umur 18 bulan
- Pengembara: Mereka yang hendak mengembara ke negara endemik atau sedang mengalami jangkitan WPV, dinasihatkan mendapatkan pelalian polio selewat-lewatnya 4 minggu sebelum berlepas.



BH TV

pada mereka yang berumur bawah 15 tahun.

“Kita juga akan mengenal pasti kawasan berisiko dijangkiti simptom ini. Setakat ini, hanya suntikan vaksin dapat membantu kerana tidak ada ubat menyembuhkan simptom terbabit,” katanya.

Ditanya adakah kementerian-nya akan mewajibkan pengambilan vaksin, Dzulkefly berkata, perkara itu akan dilakukan jika ada keperluan.

“Kita akan bincang mengenai perkara itu, jika ada keperluan kita lakukan. Sekarang kita hanya pergi ke kawasan Orang Asli atau kawasan terpencil untuk memberikan vaksin kepada ka-

nak-kanak di sana,” katanya.

Kementerian Kesihatan semalam mengesahkan seorang bayi lelaki tiga bulan dijangkiti virus polio yang menjadi kes pertama selepas 27 tahun Malaysia bebas daripada penyakit itu.

Mangsa didapati mengalami demam diikuti lemah anggota badan dan dimasukkan ke unit rawatan rapi selepas disahkan dijangkiti vaccine-derived poliovirus type 1 (VDPV1), Jumaat lalu.

Di Malaysia, vaksin polio diberikan sejak 1972. Program imunisasi polio berjaya membasmi kes polio di Malaysia dengan kes terakhir dikesan pada 1992 dan



Siasatan awal mendapati keluarga bayi terbabit tidak mempunyai sejarah ke luar negara sebelum ini.

**Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan**

Malaysia diisytiharkan negara bebas polio ada 2000.

Sementara itu, di Tuaran, tinjauan *BH* di kampung dilaporkan ada bayi menghidap polio mendapati penduduk tidak tahu mengenai kes itu, walaupun menyedari kedatangan kakitangan Jabatan Kesihatan sejak beberapa hari lalu.

Apabila dimaklumkan mengenai kes di kampung itu, seorang pesara kerajaan yang ditemui, Sandar Edan, 67, berharap pihak berkuasa akan membuat pemeriksaan menyeluruh bagi memastikan virus itu tidak merebak.